

# **GARISPANDUAN**

**PETUGAS SUKARELA SEMASA WABAK COVID-19  
UNTUK  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Disediakan oleh:



**Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia  
(PPPKAM)**

**Prof. Madya Dr. Mohd Hasni bin Jaafar**

**29 Mac 2020**



## 1.0 PENGENALAN

Ini merupakan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh semua petugas bukan warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang secara sukarela bertugas diperibagai lokasi dan klinik dalam memerangi wabak COVID-19 di negara ini.

Tujuan utama garis panduan ini dibina adalah berdasarkan kepada perlunya suatu kaedah untuk petugas sukarela yang mungkin tidak biasa dengan system perkhidmatan kesihatan di negara ini seperti orang ramai, atau petugas dari agensi kerajaan lain mahupun badan bukan kerajaan.

Ia juga untuk mereka yang telah lama meninggalkan perkhidmatan KKM seperti mereka di hospital swasta, klinik swasta, di Kementerian Pengajian Tinggi seperti universiti awam dan swasta.

Memandangkan wabak telah berlaku, garis panduan ini menyentuh perkara yang boleh dan yang tidak boleh dilakukan sepanjang wabak COVID-19.

## 2.0 WABAK COVID-19

Jangkitan COVID-19 disebabkan oleh virus corona yang bermula di pasar basah di Wuhan, China bermula pada akhir tahun 2019. Kini wabak ini telah diiktiraf sebagai pandemic oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, di mana hampir semua negara di bumi telah dijangkiti. Hampir 2% pesakit di Malaysia memerlukan penjagaan rapi, yang sebahagiannya telah meninggal dunia. Trajektori penularan yang sangat akut menyebabkan KKM memanggil segala bentuk bantuan yang boleh dari rakyat Malaysia.

Cara penularan COVID-19 adalah melalui rembesan sistem pernafasan pesakit positif yang boleh terserak menjangkau sehingga satu ke dua meter jauhnya dari pesakit ketika bersin atau batuk. Kaedah kedua penularan adalah disyaki melalui pencemaran permukaan yang disentuh oleh pesakit seperti troli supermarket, melalui berjabat tangan dan kontak fizikal yang dekat dengan pesakit.

Berikutan itu, dua kaedah yang dicadangkan oleh WHO dan KKM adalah untuk menggalakkan orang ramai sentiasa menjaga kebersihan diri, basuh tangan dengan air bersih dan sabun atau sanitiser, di samping penjarakan sosial antara individu seperti semasa dalam barisan di pasar mahupun di manamana.

Garis panduan ini dibangunkan sebagai panduan asas untuk petugas sukarela yang berdaftar dengan Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM) dalam peranan untuk membantu KKM dan agensi lain dalam membendung penularan lanjut wabak ini dengan memberi bantuan mengikut keperluan dan arahan staf KKM.



### 3.0 PETUGAS SUKARELA PPPKAM

Petugas sukarela dari PPPKAM ini adalah antara pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang telah mendapat kebenaran bertugas bagi membantu KKM menangani penularan kluster COVID-19 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melalui surat Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 21 Mac 2020 (Rujukan KKM.600-146/4/12 JLD.1).

Harus diingatkan bahawa semua petugas sukarela perlulah sihat dan mengamalkan gaya hidup yang sihat serta mengekalkan tahap kebersihan diri yang optimum. Sekiranya mereka merasa tidak sihat, hendaklah memaklumkan kepada urusetia agar dikecualikan dari tugas dan selanjutnya menjalani pemeriksaan kesihatan.

Bagi memudahkan urusan penyeliaan dan tugas, semua petugas dikategorikan seperti berikut:

#### 3.1 Petugas Awam (sihat)

Merupakan petugas *Community Volunteer* COVID-19 (CVC19) yang sihat tanpa faktor risiko. Kumpulan ini dibenarkan bertugas untuk membantu menguruskan pusat kuarantin atau *home surveillance centre* (HSC) yang ada di seluruh negara.

#### 3.2 Petugas Kesihatan (sihat)

Merupakan petugas kumpulan Group Pakar COVID-19 dan *Epidemiology and Data Analysis team* yang sihat tanpa faktor risiko. Kumpulan ini sesuai untuk bertugas di barisan hadapan seperti pusat saringan, pencarian kluster dan pengesanan kontak, serta menguruskan pusat kuarantin atau *home surveillance centre* (HSC) yang ada di seluruh negara.

#### 3.3 Petugas Awam (berisiko)

Merupakan petugas *Community Volunteer* COVID-19 (CVC19) yang mempunyai faktor risiko atau penyakit kronik. Kumpulan ini perlukan penilaian teliti oleh urusetia agar mereka tidak terkesan dari aktiviti wabak COVID-19 di premis KKM. Mereka boleh bertugas di rumah dalam membantu isu-isu logistic mahupun membuat bahan promosi kesihatan yang akan diedarkan bagi pemahaman masyarakat dalam memerangi COVID-19.

#### 3.4 Petugas Kesihatan (berisiko)

Merupakan petugas kumpulan Kumpulan Pakar COVID-19 dan *Epidemiology and Data Analysis team* yang mempunyai faktor risiko atau penyakit kronik. Kumpulan ini boleh ditempatkan di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (Crisis Preparedness and Response Centre – CPRC) di peringkat ibupejabat atau di negeri-negeri. Mereka membantu para anggota KKM menguruskan Bilik Gerakan KKM



#### 4.0 PETUGAS BERISIKO

Dari hasil analisa data dan pemerhatian, perseorangan yang mempunyai penyakit kronik mempunyai risiko jangkitan teruk atau kematian yang lebih tinggi berbanding mereka yang sihat. Petugas dengan sejarah penyakit ini dikategorikan sebagai **PETUGAS BERISIKO**. Penyakit tersebut meliputi (tidak terhad kepada senarai ini):

##### 4.1 Penyakit Respiratori

*Chronic obstructive airway disease, chronic bronchitis, chronic bronchiectasis, post COVID-19, post Tuberculosis*

##### 4.2 Penyakit Kardiovaskular

Darah tinggi, lemah jantung, penyakit iskemik jantung, pesakit dengan *pacemaker*.

##### 4.3 *Immunocompromise person*

Kegagalan ginjal atau buah pinggang, malnutrisi, anemia, penyakit tiroid, penyakit diabetes (*diabetes mellitus*), HIV/AIDS.

##### 4.4 Lain lain

Wanita hamil atau berumur melebihi 65 tahun

#### 5.0 KATEGORI KLINIKAL COVID-19

##### 5.1 Pesakit Covid-19

Pesakit COVID-19 adalah mereka yang disahkan positif COVID-19, melalui ujian makmal PCR. Petugas yang pernah berhubungan atau kontak, samada di dalam atau luar rumah, dengan pesakit atau kluster COVID-19 yang disahkan positif, hendaklah menjalani saringan segera.

Semua petugas yang menjalani saringan perlu dilepaskan dari tugas untuk melalui proses kuarantin selama 14 hari di rumah walaupun tiada tanda klinikal. Bagi yang ada tanda klinikal, mereka perlu dirujuk ke Klinik Kesihatan terdekat untuk rujukan lanjut ke hospital berkaitan.

##### 5.2 Orang Disiasat (*Person Under Investigation - PUI*)

PUI adalah orang yang menunjukkan gejala jangkitan respiratori akut dengan sekurang-kurangnya satu tanda berikut seperti sesak nafas, batuk atau sakit tekak, dengan atau tanpa demam. Mereka juga mungkin mempunyai sejarah perjalanan atau tinggal di luar negara dalam jangkamasa 14 hari sebelum mula tanda jangkitan. Atau ada sejarah hubungan atau kontak dengan pesakit COVID-19 dalam jangkamasa 14 hari sebelum tanda jangkitan bermula. Atau ada sejarah menghadiri sesuatu majlis atau keraian yang diketahui menjadi pusat sebaran wabak COVID-19.

Kepada petugas yang ada kontak dengan PUI, diminta untuk menjaga kesihatan diri dan memantau diri sendiri dari sebarang tanda jangkitan



kemungkinan COVID-19. Mereka ini boleh dipanggil bertugas namun perlu memakai PPE yang bersesuaian setiap masa. Perhatian diberi terhadap sebarang tanda klinikal yang berkaitan dan perlu menjalani saringan sewajarnya. Mereka akan diberi kebenaran untuk tidak terus bertugas.

### 5.3 Orang Bawah Surveilan (*Person Under Surveillance – PUS*)

Mereka terdiri dari rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara akan menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari di HSC yang ada ditubuhkan di negeri negeri seluruh negara. Pusat kemasukkan termasuk lapangan terbang, jeti, serta jalan darat antara negara seperti Singapura, Thailand dan Indonesia.

## 6.0 PUSAT KUARANTIN (*Quarantine Centre*)

Di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Perisytiharan Stesen Kuarantin, sebanyak 56 pusat seluruh negara telah digazetkan pada 16 Mac 2020. Petugas sukarela akan diberi tempat tugas mengikut kesesuaian logistik dan kesihatan diri dari pihak urusetia PPPKAM atau agensi bersesuaian dengan nasihat pegawai KKM.

## 7.0 SARINGAN

### 7.1 Saringan Pesakit COVID-19

Petugas diminta untuk membantu dalam proses saringan COVID-19 mengikut arahan staf atau pegawai KKM. Semua diminta untuk senantiasa memakai PPE yang sesuai mengikut garis panduan. Pastikan kawasan saringan mempunyai tanda arahan dalam pelbagai bahasa bagi mendapatkan kerjasama masyarakat untuk menyatakan informasi tentang tanda klinikal yang mereka ada, sejarah perjalanan ke luar negara atau ke *hot spots*, atau ada kontak dengan kes positif COVID-19.

Petugas boleh membantu dalam mengedarkan topeng muka (*mask*) dan *hand sanitiser* kepada PUI yang ada gejala respiratori dan tempatkan mereka di tempat khas sekiranya berkenaan, atau jarakkan mereka sekurangnyanya satu meter (1 m) dengan individu tanpa tanda klinikal atau petugas kesihatan lain.

Petugas diminta membantu dalam pendaftaran pesakit dengan mendapatkan nama, nombor kad pengenalan atau pasport, nombor telefon yang boleh dihubungi, dan alamat tetap. Bantu dalam membuat pemeriksaan suhu badan pesakit dan dapatkan maklumat berikut:

- a. Samada mereka mengalami demam dengan sekurangnyanya satu tanda klinikal seperti sesak nafas, batuk atau sakit tekak.
- b. Sejarah perjalanan atau tinggal di tempat atau negara jangkitan dalam tempoh 14 hari yang lalu.



- c. Sejarah kontak dengan pesakit COVID-19 dalam tempoh 14 hari yang lalu.

Petugas diminta memastikan, secara berkala, kesiapsediaan kawasan tempat duduk pesakit yang diinfeksi seperti ditentukan oleh pihak premis KKM. Para petugas kesihatan dan pesakit hendaklah diingatkan untuk membasuh tangan selepas selesai pemeriksaan. Sepanjang bertugas, tiada pelawat dibenarkan. Aktiviti saringan turut melibatkan kluster jangkitan serta semasa surveilan anggota kesihatan.

## 7.2 Saringan Kesihatan Petugas Sukarela

Setiap petugas sukarela PPPKAM perlulah mendaftar dengan mengisi Borang **Surat Akuan Penyertaan Sukarelawan CVC19** melalui <https://forms.gle/4Bt7AwKWYQuPgqzG6> bagi mendapatkan Kad Keahlian CVC19 (dengan QR code keselamatan) dan T-shirt rasmi CVC19.

Saringan keselamatan petugas mengandungi infomasi biodata diri, sejarah perubatan dan pembedahan, sejarah merokok, sejarah kontak dengan pesakit Covid 19, dan sejarah kontak dengan orang disiasat (PUI). Tugasan petugas berdasarkan kepada tahap RISIKO individu (LAMPIRAN A).

## 8.0 MENGURANGKAN RISIKO COVID-19

### 8.1 Kesihatan Diri Petugas Sukarela

Sepanjang bertugas, semua sukarelawan dikehendaki mengamalkan sanitasi tangan, kebersihan diri (*personal hygiene*), makanan seimbang, tidak merokok di samping mengekalkan tahap kesihatan mental yang sihat. Kepada sesiapa yang merasa tidak sihat atau mempunyai sebarang tanda jangkitan terutamanya sistem respiratori akan dikecualikan dari tugas selama beberapa hari mengikut kesesuaian. Setiap hari, semua petugas dikehendaki mengisi **Borang Senarai Semak Harian Kesihatan Diri** dan diserahkan kepada pegawai PPPKAM yang menyelia agihan tugas di lokasi masing-masing. Notifikasi secara online bagi petugas yang jauh atau terpaksa terus ke lokasi tugas adalah dibenarkan melalui whatsapp atau kaedah yang lain. Sekiranya Petugas adalah ketua lokasi, mohon maklumkan kepada urusetia PPKAM untuk pengantian segera.

### 8.2 Alat Perlindungan Diri (PPE)

Alat perlindungan diri yang perlu senantiasa dipakai semasa bertugas adalah sekurang-kurangnya sarung tangan dan topeng muka (*mask*). Kepada Petugas Awam, sedikit latihan perlu diberi bagaimana cara memakai, membuang dan cara melupus sarung tangan dan topeng muka tersebut.

Bagi Petugas di kawasan berisiko tinggi atas arahan pegawai KKM, perlu memakai sarung tangan, topeng muka, apron dan kasut but perlu dipakai sepanjang masa di kawasan tersebut. Semua peralatan PPE akan dibekalkan



oleh pihak KKM. Kepada yang tiada PPE, tidak dibenarkan masuk ke kawasan saringan atau HSC atau premis yang berkaitan. Mohon maklumkan kepada pegawai bertugas untuk dibekalkan segera.

### **8.3 Selepas Bertugas di Premis**

Petugas perlu memakai pakaian yang sesuai seperti baju lengan panjang, dan seluar bagi lelaki atau kain panjang untuk wanita. Disarankan setiap petugas juga membawa satu salinan pakaian dari rumah sebelum tiba dilokasi tugasan di dalam beg pakaian yang bersih.

Selepas tamat waktu tugasan, petugas dikehendaki menanggalkan PPE yang dipakai dan dibuang ke dalam tong klinikal yang di sediakan. Petugas dikehendaki mandi dengan air bersih dengan sabun yang mencukupi bagi membersihkan seluruh anggota dari rambut hingga ke dua belah telapak kaki sebelum pulang ke rumah.

Bagi fasiliti yang tiada tempat mandi, petugas hendaklah terus kembali ke rumah, Apabila tiba di rumah, segera ke bilik mandi untuk bersihkan diri. Pakaian hendaklah dibersihkan dengan air bersih dan sabun pakaian. Semua beg duit, tali pinggang, jam tangan, handphone dan sebagainya perlu dibersihkan dengan pembersih yang sesuai.

## **9.0 TUGASAN BERSAMA KKM**

Semua petugas mesti mendapatkan arahan dari pihak Urusetia PPPKAM bagi penempatan masing-masing ke lokasi yang telah ditentukan oleh CPRC HQ atau negeri (LAMPIRAN B). Sepanjang masa, semua petugas mestilah mematuhi Garispanduan Kawalan Jangkitan KKM dengan memakai PPE setiap masa bertugas.

### **9.1 Petugas Kesihatan**

Kumpulan petugas ini merupakan sukarelawan dari kalangan Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam. Ia dibahagi kepada dua kelompok:

#### **a. Group PAKAR CVD19**

Terdiri dari Pakar Kesihatan Awam, Pegawai Perubatan dan mereka terlatih dalam bidang perubatan.

Kumpulan ini akan membantu mengurus dan mengendalikan Pusat Kuarantin (QC) di seluruh negara di bawah penyeliaan pegawai dari CPRC.

#### **b. *Epidemiology and Data Analysis Team***

Mereka ini terdiri dari Pakar Kesihatan Awam dan Pakar Epidemiologi dari institusi penyelidikan KKM dan pengajian tinggi awam, pegawai KKM dan pesara KKM berkecuali.



Kumpulan ini akan membantu KKM dalam proses menganalisa data dan memberikan cadangan kaedah mitigasi serta strategi intervensi dalam pengurusan wabak ini.

## 9.2 Petugas Awam

Kumpulan ini juga dikenali sebagai *Community Volunteer COVID-19* (CVC19) yang terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikan dan pengalaman. Mereka akan memberi bantuan sukarela bagi pelbagai unit seperti mendapatkan dana, menyampaikan sumbangan bantuan (makanan, topeng muka, ubatan dan sebagainya) kepada individu atau komuniti yang memerlukan, kerjasama dengan pihak media, pengurusan logistik wabak, dan menghasilkan dan mengedarkan bahan promosi kesihatan kepada kumpulan sasaran.

## 10.0 PERANAN PETUGAS SUKARELA SEWAKTU WABAK

Secara amnya, petugas sukarela tidak terlibat dalam pengurusan pesakit COVID-19 serta rawatan mereka. Skop petugas hanya melibatkan golongan PUI (*Person Under Investigation*) dan PUS (*Person Under Surveillance*) yang mana adalah amat penting dalam membantu KKM untuk mengekang penularan lanjut virus dalam komuniti yang dikendalikan.

### 10.1 Lokasi Penyaringan

Antara agensi bertanggungjawab ialah Unit Kawalan Kualiti CPRC di Putrajaya dan di negeri lain di negara ini. Terdapat banyak lokasi saringan terutamanya di hospital dan klinik-klinik kesihatan seperti ditetapkan pekeliling KKM. Saringan adalah meliputi kluster dan mereka yang telah dikesan hasil dari pengesanan kontak kes positif COVID-19 .

Di lokasi penyaringan pesakit, petugas boleh membantu staf KKM di pintu masuk di lapangan terbang, jeti, dan laluan kastam dan imigresen. Tugasan meliputi pemeriksaan suhu badan, edaran risalah pelaksanaan surveilan dan kuarantin sendiri 14 hari, mengumpul borang *self-declaration*, pendaftaran dan penetapan pintu keluar khas bagi individu berisiko (suhu tinggi > 37.5°C), beri penerangan kepada individu berisiko serta membantu menyediakan kenderaan ke HSC.

Semua kemasukkan warganegara dan warga asing melalui pintu masuk rasmi akan diberikan Kad Amaran Kesihatan yang perlu disimpan dengan baik untuk selama 14 hari setelah seseorang itu kembali ke Malaysia. Mereka harus dipantau suhu badan serta tanda klinikal lain yang berkaitan. Sekiranya mereka demam  $\geq 38^{\circ}\text{C}$ , atau ada tanda batuk, sesak nafas dan sakit tekak, mereka perlu segera ke hospital berdekatan untuk saringan lanjut. Petugas sukarela boleh dapatkan Kad Amaran Kesihatan dari individu yang memperolehnya semasa proses masuk ke negara ini bagi memudahkan proses saringan.





## 10.2 Home Surveillance Centre (HSC)

Antara lokasi lain yang memerlukan khidmat sukarelawan adalah HSC yang merupakan pusat perkhidmatan kesihatan yang ditubuhkan di bawah Prosedur Tetap Operasi Pelaksanaan Kuarantin Susulan Penularan Wabak COVID-19. Sehingga 23 Mac 2020, sebanyak 11 negeri telah menubuhkan pusat ini dengan bilangan sebanyak 37 HSC bagi menampung seramai 2325 orang bawah surveilan (PUS). Mereka terdiri dari rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara akan menjalani tempoh kuarantin di HSC ini. PUS akan dibahagikan kepada risiko tinggi dan rendah mengikut hasil pemeriksaan awal oleh pihak KKM dan di tempatkan mengikut Prosedur Tetap Operasi Pelaksanaan Kuarantin. Petugas sukarela boleh membantu staf KKM menjalankan persampelan sampel mengikut SOP.

Petugas juga boleh membantu staf Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dalam pengurusan HSC, penetapan bilik penginapan mengikut tahap risiko dan penetapan tempoh kuarantin mengikut panduan dari agensi berkaitan. Proses discaj akan dilakukan oleh KKM. Namun penyeliaan pengangkutan ke hub pengangkutan awam bersama PDRM atau ATM boleh dilakukan oleh sukarelawan di samping merekod urusan daftar keluar PUS yang bebas virus mengikut dokumen yang disediakan. Sepanjang tempoh pemantauan HSC, petugas dikehendaki sentiasa memakai PPE yang ditentukan mengikut zon. Pematuhan kepada jarak selamat sekurang-kurangnya satu meter (1 m) hendaklah sentiasa dipatuhi. Petugas juga diberikan akses mengikut zon mengikut kategori mereka di samping dapat memberi khidmat menggunakan Psychological First Aid sekiranya perlu.



LAMPIRAN A

**SENARAI SEMAK PETUGAS**

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh Lahir : \_\_\_\_/\_\_\_\_/\_\_\_\_ (hh/bb/tt)                      Umur : \_\_\_\_\_ tahun

Jantina : Lelaki / Perempuan                      Merokok : Tidak / Ya

Pengalaman dalam bidang kesihatan: Tiada / Ya (Nyatakan : \_\_\_\_\_ )

Masalah kesihatan : Tiada / Ya (Nyatakan : \_\_\_\_\_ )

Kontak dengan pesakit COVID-19 : Tiada / Ya (Nyatakan : \_\_\_\_\_ )

Kontak dengan orang disiasat COVID-19: Tiada / Ya (Nyatakan : \_\_\_\_\_ )

Kategori petugas:  (A) Petugas Awam sihat

(B) Petugas Kesihatan sihat

(C) Petugas Awam berisiko

(D) Petugas Kesihatan berisiko



LAMPIRAN B

**CARTA ALIR PENENTUAN TUGASAN PETUGAS**

